

Kes kanak-kanak OKU didera dalam siasatan

Cuping telinga mangsa didapati lebam selepas seorang guru cuba tenangkan mangsa yang agresif di dalam kelas

Oleh SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI
BUKIT MERTAJAM

Polis membuka satu kertas siasatan berhubung seorang kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) yang didakwa didera oleh guru di sebuah sekolah pendidikan khas di Seberang Jaya.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisioner Tan Cheng San berkata, kertas siasatan berhubung kes itu dibuka selepas polis menerima laporan dibuat oleh ibu mangsa di Balai Polis Seberang Jaya pada 19 Julai lalu dan kes disiasat mengikut Seksyen 323



CHENG SAN

Kanun Keseksaan.

Menurut beliau, berdasarkan laporan mangsa merupakan kanak-kanak autisme dan bersekolah di sebuah sekolah pendidikan khas di Seberang Jaya.

Jelas beliau, kejadian dipercayai berlaku pada jam 9.30 pagi, 19 Julai lalu apabila mangsa dikatakan bertindak agresif di dalam kelas sehingga menyebabkan beberapa murid lain ketakutan dan menangis.

"Susulan itu, seorang guru wanita berusia lingkungan 30-an telah datang lalu memegang kedua-dua belah telinga mangsa untuk menenangkannya.

"Bagaimanapun, akibat perbuatan guru tersebut, kedua-dua telinga kanak-kanak OKU itu dikatakan lebam," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Tambahnya, mangsa dibawa ke Hospital Bukit Mertajam untuk rawatan lanjut.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang awam supaya tidak menularkan isu berkenaan di media sosial kerana ia boleh menyebabkan kekeliruan dan kegelisahan kepada masyarakat setempat.

Sebelum ini, tular mengenai seorang kanak-kanak OKU didakwa



Tular mengenai seorang kanak-kanak OKU didakwa mengalami lebam pada telinga dipercayai didera guru sekolahnya.

mengalami kecederaan pada telinga dipercayai didera oleh guru sekolahnya.

Isu tersebut dimuat naik oleh seorang wanita di Facebooknya pada Isnin lalu, dengan menggunakan tajuk, *Seorang Lagi Anak OKU Disakiti*.

Hantaran itu mendapat 783 komen dan dikongsi oleh 946 pelayar selain mendapat lebih 6,000 tanda emosi.